Nama: _____ Tarikh: _____

Praktis 3

BAB 3
Zaman Prasejarah

Hal. Buku Teks: 44 – 73

Bahagian A

Jawab **semua** soalan.

1. Zaman Prasejarah juga dikenali sebagai *nirleka* dalam bahasa Sanskrit.
Apakah yang dimaksudkan dengan *nir* dan *leka*?
A *nir*–banyak, *leka*–ilmu
B *nir*–hilang, *leka*–tidak tahu
C *nir*–tidak ada, *leka*–tulisan
D *nir*–ada, *leka*–pengetahuan

2. Pada zaman logam, manusia sudah melakukan inovasi logam besi dan gangsa dalam peralatan.
Apakah contoh peralatan besi yang digunakan?
A Tukul
B Sabit
C Beliung
D Cangkul

3. Gambar berikut menunjukkan Stonehenge di Britain.

Apakah yang boleh dikaitkan dengan binaan tersebut?
A Aktiviti pembinaan
B Pembuatan barangan harian
C Aktiviti memburu binatang
D Upacara ritual dan mengkaji bintang

4. Maklumat berikut mengenai lokasi Zaman Prasejarah.

> Pelbagai lokasi Zaman Prasejarah telah ditemui, antaranya ialah di Sa Hyun, Vietnam yang merupakan tapak Zaman Besi yang menonjol.

Apakah kegiatan manusia yang telah ditemui di lokasi tersebut?
A Pertanian
B Pembuatan tekstil
C Pembuatan logam
D Pembuatan tembikar

5. Apakah bahan membina rumah yang digunakan oleh manusia pada Zaman Neolitik?
I Batu
II Logam
III Tumbuh-tumbuhan
IV Tanah liat
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

6. Pembuatan peralatan pada zaman Mesolitik lebih halus dan kemas.
Apakah maksud peralatan yang dikenali sebagai mikrolit?
A Peralatan menangkap ikan
B Alat untuk menggali dan roda
C Batu besar yang digunakan untuk memburu
D Batu kecil dan nipis yang sisinya tajam bergerigi

LIVEWORKSHEETS

7. Pernyataan berikut merujuk kepada kegiatan ekonomi Zaman Prasejarah.

> Terdapat perbezaan besar antara kegiatan ekonomi yang diamalkan pada Zaman Paleolitik dan Zaman Logam.

Pernyataan di atas merujuk kepada semua di bawah **kecuali**

A Cara hidup
B Aktiviti penternakan
C Pengkhususan kerja
D Penggunaan hasil hutan

8. Pada Zaman Logam, kehidupan manusia lebih tersusun dan mempunyai pemimpin. Apakah tanggungjawab pemimpin pada masa itu?

A Menentukan undang-undang
B Memberi pandangan untuk setiap unit rumah
C Menyampaikan ilmu agama kepada penduduk
D Menyelesaikan masalah dan membentuk aturan kehidupan

9. Gambar berikut menunjukkan hasil kesenian pada Zaman Logam, iaitu hiasan pada gendang gangsa.

Apakah yang dimaksudkan dengan nilai estetika yang terdapat pada alat tersebut?

A Aliran sastera dan seni
B Lambang sesuatu hasil seni
C Corak yang berasaskan garis-garis
D Kecantikan yang dikaitkan bidang seni

10. Gambar berikut merupakan aktiviti pertanian Zaman Prasejarah.

Apakah antara hasil pertanian yang diusahakan?

A Teh
B Getah
C Gandum
D Kelapa sawit

11. Maklumat berikut mengenai aktiviti memburu binatang.

> Aktiviti memburu binatang telah dilakukan sejak Zaman Prasejarah lagi. Pada zaman kini, aktiviti memburu memerlukan lesen yang sah.

Siapakah yang bertanggungjawab mengeluarkan lesen tersebut?

A Jabatan Perhilitan
B Jabatan Perhutanan
C Jabatan Alam Sekitar
D Jabatan Pelancongan

12. Pelbagai kaedah pengebumian mayat yang dilakukan pada Zaman Prasejarah. Bagaimanakah cara pengebumian mayat di Gua Cha, Kelantan dilakukan?

A Memasukkan mayat ke dalam keranda kayu
B Memasukkan mayat di dalam gua kapur
C Kepala mayat diletakkan di atas "bantal" batu
D Mayat diletakkan bersama-sama harta kekayaan

LIVEWORKSHEETS

13. Madeleine Colani merupakan ahli arkeologi Perancis yang memperkenalkan istilah Hoabinhian pada Zaman Prasejarah atau Zaman Mesolitik.
Manakah antara berikut merupakan tapak zaman tersebut?

A Tingkayu, Sabah
B Gua Kecil, Pahang
C Gua Madai, Sabah
D Gua Niah, Sarawak

14. Bukti kewujudan manusia Zaman Prasejarah di Malaysia ialah melalui penemuan lukisan batu dan ukiran batu.
Apakah kegunaan penemuan tersebut?

A Cara manusia mencari rezeki
B Hasil kesenian dan sastera manusia
C Gambaran agama dan kepercayaan manusia
D Cara komunikasi dan penyampaian maklumat

15. Gambar berikut merupakan Pisau Tembeling yang ditemui di Pahang.



Apakah kegunaan alat tersebut?

A Menuai padi
B Memotong kayu
C Mengorek tanah
D Memotong daging

LIVEWORKSHEETS